

10 OCT 2001

Lim-Minyak

TINGKATKAN PENGGUNAAN MINYAK KELAPA SAWIT, KATA KHENG YAIK

LANGKAWI, 10 Okt (Bernama) -- Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Kheng Yaik hari ini berkata mereka yang terlibat dalam sektor minyak sawit Malaysia patut mencari jalan cara meningkatkan penggunaan minyak sawit ekoran gangguan eksport bahan itu.

"Sekarang adalah masa terbaik untuk mengenal pasti aspek lain seperti menanam semula pokok tua atau kos pengeluaran," katanya selepas menghadiri mesyuarat minggu Kabinet yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Rumah Kabinet di Gunung Raya di sini.

Penghantaran minyak sawit ke Pakistan kini terganggu akibat keengganan syarikat perkapalan menggunakan laluan Laut Arab ekoran keengganan syarikat insurans melindungi kapal-kapal berkenaan berikutan tindak balas Amerika Syarikat.

Katanya bagi mengatasi masalah itu, ia memerlukan banyak penyesuaian dalam mengenal pasti kaedah lain bagi menghantar minyak sawit ke Pakistan.

"Kita perlu mengenal pasti cara membawa masuk minyak sawit melalui kawasan zon perang itu," katanya.

Dr Lim berkata Kabinet telah memberi petunjuk "mengenai bagaimana mengatasinya dan membuat penghantaran" bagi mengatasi gangguan penghantaran minyak sawit ke Pakistan",.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut.

Minggu lepas, Dr Lim dilaporkan berkata bahawa kerajaan akan memastikan penghantaran minyak sawit mentah ke Pakistan dikekalkan walaupun wujud gangguan dalam beberapa perdagangan.

Beliau juga telah meminta Lembaga Minyak Sawit Malaysia mencari jalan bagi mengatasi masalah penghantaran minyak sawit mentah ke Paksitan.

-- BERNAMA

NH LAT